


Ada lagi buat pembelian panik



RAK jualan beras keluaran tempatan bagi pek lima dan 10 kilogram di pasar raya di Jelutong, Georgetown berkurangan berikutan pembelian panik orang ramai. FOTO Zuhainy Zulkiffli

Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

BARU memasuki hari kedua pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan tetapi beberapa barangan keperluan didapati hampir habis dibeli pelanggan di beberapa pasar raya di Jelutong, Georgetown.

Tindakan orang ramai 'borong semua' itu dipercayai akibat pembelian panik yang masih berlaku dalam kalangan orang ramai.

Tinjauan mendapati beberapa beras keluaran tempatan pek lima dan 10 kilogram (kg) sudah kehabisan, begitu juga sabun anti bakteria, makanan kucing, sabun serta cecair pembasmi kuman.

Orang ramai masih bersesak bagi membeli barangan basah dan kakitangan pasar raya terpaksa memberi arahan secara tegas meminta pelanggan beratur ketika melakukan timbangan barangan.

Pengunjung yang mahu dikenali sebagai Hashimah, 43, dari Jalan Perak berkata, dia membeli barangan keperluan untuk berniaga esok.

Menurutnya, sejak perintah berkenaan berkuatkuasa, dia terpaksa tutup gerai jualan nasi ayam serta hanya mengambil tempahan dan menghantar ke rumah pelanggan.

"Sehari sebelum perintah dikeluarkan, saya tidak terbabit dengan pembelian panik kerana enggan bersesak, justeru saya datang (membeli) di pasar raya hari ini bagi menambah bekalan barangan niaga.

"Tidak sangka pula masih ramai orang membeli barangan, namun syukur semua bekalan seperti telur, sayur, ayam, ikan dan beras masih ada serta tidak terjejas," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, kakitangan pasar raya yang enggan dikenali mendakwa, bekalan termasuk beras, minyak, tisu dan tepung sudah ada namun belum sempat mengisi semula rak yang kosong.

"Orang terlalu ramai, kami belum sempat mengisinya semula di rak malah ada yang letak barangan dalam troli tetapi tinggalkan begitu saja apabila tidak jadi membeli," katanya.

Pada Isnin lalu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan selama 14 hari bermula semalam 31 Mac ini bagi mengekang penularan Covid-19 dalam kalangan orang ramai.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pulau Pinang Mohd Ridzuan Ab Ghapar berkata, pihaknya tidak menerima sebarang aduan mengenai kekurangan bekalan keperluan kecuali penutup mulut dan hidung.

Menurutnya, kekurangan beras dan beberapa keperluan lain mungkin disebabkan pembelian panik yang dilakukan orang ramai.

Katanya, sehingga kini bekalan keperluan asas dijamin mencukupi bagi keperluan pengguna sepanjang tempoh yang ditetapkan.

"Kita cuma terima aduan berhubung kekurangan penutup mulut dan hidung, sementara keperluan lain adalah mencukupi tetapi KPDNHEP akan sentiasa memantau perkembangan itu.

"Mungkin bekalan itu lambat dibekalkan semula berikutan perintah kawalan pergerakan yang membabitkan semua pihak, namun kita jamin ia mencukupi," katanya ketika dihubungi di sini.

Menurutnya, sebarang aduan dan pertanyaan boleh hubungi KPDNHEP di talian 04-5751703 bagi kawasan Seberang Perai dan Georgetown 04-255 2456.

Artikel ini disiarkan pada : Khamis, 19 Mac 2020 @ 5:56 PM